

**MT PBB Ikrar Taat Setia Kepada Adenan
Bernama
3 Mac, 2014**

KUCHING, 3 Mac (Bernama) -- Anggota Majlis Tertinggi Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) termasuk pemimpin sayap Wanita dan Pemuda hari ini melafaz ikrar taat setia kepada Tan Sri Adenan Satem selaku Ketua Menteri Sarawak dan Presiden PBB yang baharu.

Lafaz taat setia itu berlangsung di Pejabat Ketua Menteri di Wisma Bapa Malaysia di Petra Jaya di sini ketika mereka melakukan kunjungan hormat ke atas Adenan.

Turut hadir kedua-dua timbalan presiden PBB bagi sayap Bumiputera dan Pesaka iaitu Datuk Amar Abang Johari Tun OPeng dan Tan Sri Alfred Jabu.

Sementara itu, Ketua Setiausaha Politik kepada ketua menteri, Abdullah Saidol memberitahu pemberita Adenan meluahkan rasa terharu atas sokongan yang diberi oleh pemimpin dan anggota PBB.

Katanya Adenan turut berjanji meneruskan perjuangan bekas Ketua Menteri dan Presiden PBB Tan Sri Abdul Taib Mahmud, terutama dalam soal dasar dan perjuangan parti serta pembangunan di Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (Score) dan kawasan pedalaman.

"Buat sementara waktu beliau meminta kita memberi tumpuan ke arah memperkukuhkan jentera parti untuk menghadapi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Balingian," katanya.

Turut melakukan kunjungan hormat ke atas Adenan hari ini ialah Parti Rakyat Sarawak yang diketuai Presidennya Tan Sri James Jemut Masing.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1018884>